



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 20 | Ogos 2022 - Muharram 1444H

Hijrah dan Jiwa Merdeka

Pendeta Za'aba menyebut bahawa kemerdekaan ialah "Berubah daripada kepercayaan bodoh yang melemahkan akal dan ikhtiar kepada kepercayaan yang cerdas yang membebaskan fikiran; daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan dia; daripada i'tiqad-i'tiqad yang serong dan terpesong kepada i'tiqad yang subur dan merdeka; daripada kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu kepada kesolehan; dan daripada fikiran-fikiran yang menahankan dan menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan dan menggalakkan kemaraan yang baik-baik dan mulia.". Berdasarkan pencerahan daripada beliau, dapat kita fahami kemerdekaan yang kita kecapai ini datang bersama dengan tanggungjawab yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan.

Kemerdekaan negara kita pada tahun ini marilah kita tanamkan pada diri kita dengan beberapa perkara:

1. Berazam untuk mengubah negara kita kearah yang lebih baik bukan sahaja aspek duniawi bahkan juga aspek ukhrawi kerana perubahan bermula dari diri kita. Selaras dengan firman Allah dalam surah al-Ra'ad ayat 11: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan suatu kaum sebelum mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri.*
2. Membebaskan diri kita dari pemikiran minda yang dijajah atau minda yang menjadi hamba kepada duniawi serta bebas dari budaya yang merosakkan agama, bangsa dan negara. Bertepatan dengan saranan Allah dalam surah al-Baqarah ayat 120: *"Dan orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan rela kepadamu (Muhammad) sebelum engkau mengikuti agama mereka. Katakanlah, "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang sebenarnya)."*
3. Sentiasa bersyukur diatas segala nikmat yang dikurniakan Allah khususnya nikmat kemerdekaan negara kita. Berdasarkan firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 14: *Jika kalian bersyukur nescaya akan Ku tambah (nikmatku) pada kalian, dan jika kalian mengingkari (nikmatku), maka pasti azabKu sangat pedih.*



Sentiasa bermuhasabah bahawa kemerdekaan yang dikecapi datang dengan tanggungjawab yang perlu kita tunaikan serta laksanakan.

IDART

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ الْأُمُورِ

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

[al-Hajj : 41]

Tajwid Bersama UHA

IDGHAM SYAFAWI

Idgham Syafawi adalah pertemuan diantara Mim yang mati/sakinah dengan Mim yang berbaris.

ia dapat dikenali dalam Mushaf Uthmani dengan melihat Mim yang tidak mempunyai baris atau apa-apa tanda diatasnya bertemu dengan Mim yang bersabdu/tasydid.

لَهُمْ مَا كَانُوا	أَعْلَمَهُمْ مِنْ
لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ	كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ
قَالِهِمْ مَثَلٌ	حَا نَعْلَمُ مِثْلَهُ

